ONG LIAN SHYANG & SATU LAGI

lwn.

HOOVER MUTIARA SDN BHD & SATU LAGI (NO 2)

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
RAMLY ALI PK
[PETISYEN PEMULA NO: D9-24-205-2000]
19 OKTOBER 2000

PROSEDUR SIVIL: *Injunksi - Syarat-syarat untuk membenarkan permohonan - Persoalan bona fide yang serius untuk dibicarakan - Imbangan kesenangan - Pempetisyen tidak memberi akujanji - Samada status quo perlu dikekalkan - Samada remedi alternatif mencukupi*

Pempetisyen pertama adalah seorang pengarah dan pemegang 20% saham responden pertama manakala pempetisyen kedua pula adalah pemegang 10% saham responden pertama. Responden kedua pula merupakan pengarah dan pemegang 70% saham responden pertama. Olehkerana tercetusnya pertelingkahan di antara pempetisyen pertama dan responden kedua, pempetisyen-pempetisyen memfailkan petisyen pemula memohon agar responden kedua diperintah untuk (i) membeli saham-saham pempetisyen-pempetisyen dalam responden pertama, (ii) membayar gantirugi; dan (iii) secara alternatif responden pertama digulungkan dan aset-aset syarikat dibahagi-bahagikan. Pempetisyen-pempetisyen seterusnya melalui saman dalam kamar memohon perintah-perintah injuksi yang antara lainnya melarang responden pertama dari mengadakan satu mesyuarat lembaga pengarah atau pemegang saham untuk melantik sebarang pengarah tambahan bagi responden pertama dan menukar penandatangan kepada akaun-akaun responden pertama. Persoalan-persoalan yang timbul adalah (a) samada terdapat isu *bona fide* yang serius yang patut dibicarakan; (b) persoalan imbangan kesenangan; (c) samada terdapat akujanji yang mencukupi; (d) samada pempetisyen-pempetisyen berupaya memenuhi akujanji; dan (e) samada terdapat remedi alternatif yang lebih bersesuaian.

Diputuskan:

[1] Isu yang dibangkitkan oleh pempetisyen mestilah merupakan isu yang relevan dan patut dibicarakan di dalam tindakan asal pempetisyen iaitu petisyen pemula (kandungan 1). Setelah penelitian dibuat adalah didapati bahawa, isu-isu tersebut adalah merupakan isu-isu yang relevan dan patut dibicarakan.

[2] Kerugian dan kesan buruk yang akan timbul adalah lebih serius sekiranya perintah injunksi dibenarkan jika dibandingkan dengan kerugian akan dialami pempetisyen-pempetisyen jika injunksi tidak dibenarkan. Dari itu imbangan kesenangan lebih memihak kepada perintah injunksi tidak dibenarkan.

[3] Dalam kes semasa, adalah tidak berpatutan jika *status quo* dikekalkan kerana kesan tindakan ini akan melumpuhkan operasi syarikat dan mendatangkan kesan yang lebih buruk kepada banyak pihak.

[4] Memandangkan tiada sebarang akujanji yang mencukupi diberikan oleh pempetisyen-pempetisyen dan tiada bukti tentang keupayaan pempetisyen-pempetisyen memenuhi akujanji, maka imbangan kesenangan lebih memihak kepada responden-responden.

[5] Setelah diteliti fakta kes, adalah didapati bahawa gantirugi kewangan adalah merupakan remedi alternatif yang lebih sesuai dalam kes semasa.

[Permohonan ditolak dengan kos.]

Kes yang dirujuk:

American Cynamid Co v. Ethicon Ltd [1975] 2 WLR 316 ***(dirujuk)***

Associated Tractors Sdn Bhd v. Chan Boon Heng & Anor [1990] 2 CLJ 157 ***(dirujuk)***

Cheah Theam Swee & Anor v. Overseas Union Bank Ltd & Ors [1989] 1 CLJ 157 ***(diikuti)***

Keet Gerald Francis Noel John v. Mohd Noor Abdullah [1995] 1 CLJ 293 ***(dirujuk)***

London & Blackwell Rly Co v. Cross [1886] 31 Ch D 354 ***(dirujuk)***

Mohamed Zainuddin Puteh v. Yap Chee Seng [1978] 1 MLJ 40 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Rules of the High Court 1980, O. 32 r. 13(2)(b)

Bagi pihak pempetisyen-pempetisyen - Colin Pereire (MS Wong bersamanya); T/n HH Goh & Co

Bagi pihak responden kedua - Ong Chee Kwan; T/n Lee Ong & Kandiah

Dilaporkan oleh Izzaty Izzuddin

PENGHAKIMAN

Ramly Ali PK:

Pengenalan

Pempetisyen-pempetisyen dalam kes ini melalui saman dalam kamar (kandungan 4) memohon perintah-perintah injunksi terhadap kedua-dua responden, seperti berikut:

i) bahawa responden pertama dilarang samada secara sendiri dan/atau melalui agen-agennya dan/atau kakitangannya dan/atau secara lain dari mengadakan dan/atau mengambil apa-apa langkah untuk mengadakan suatu mesyuarat Lembaga Pengarah dan/atau mesyuarat pemegang-pemegang saham:

a) untuk melantik sebarang pengarah tambahan untuk responden pertama;

b) untuk menukar penandatangan kepada akaun-akaun responden pertama yang dikekalkan dengan bank-bank berikut:

i) Akaun No. 000.00.50.08.654 MYR, ABN Amro Bank Berhad;

ii) Akaun No. 1088027276, Southern Bank Berhad, di Cawangan Utama Kuala Lumpur; dan

iii) Akaun No. 1008060808, Southern Bank Berhad di Cawangan Johor Bahru;

c) untuk membatalkan resolusi lembaga pengarah yang bertarikh 15 Mei 2000.

ii) bahawa kos untuk dan yang berbangkit dari permohonan ini dibayar oleh responden-responden.

Saman dalam kamar tersebut telah disokong oleh afidavit yang diikrarkan oleh pempetisyen pertama (kandungan 5) yang juga mengikrarkan afidavit tersebut bagi pihak pempetisyen kedua.

Sebelum pada itu, kedua-dua pempetisyen telah memfailkan petisyen pemula terhadap kedua-dua responden pada 24 Ogos 2000, memohon perintah-perintah berikut:

(i) Responden kedua, diperintah untuk membeli saham-saham pempetisyen-pempetisyen di dalam responden pertama pada harga yang adil, untuk ditaksirkan;

(ii) Responden kedua membayar dan menanggung kehilangan dan gantirugi yang dialami oleh pempetisyen-pempetisyen, yang berpunca dari atau sebagai akibat perlakuan responden kedua di dalam syarikat responden pertama;

(iii) Secara alternatif, bahawa responden pertama digulungkan dan aset-aset syarikat itu dibahagikan kepada pempetisyen-pempetisyen dan responden kedua berpandukan pemegangan saham masing-masing;

(iv) Kos.

Alasan penghakiman ini adalah berkaitan dengan saman dalam kamar (kandungan 4) yang telah didengar pada 12 Oktober 2000 dan ditangguhkan kepada 19 Oktober 2000 untuk keputusannya.

Untuk saman dalam kamar ini, responden pertama tidak secara sendiri memfailkan apa-apa afidavit jawapan. Pada awalnya responden pertama bercadang untuk bergantung kepada afidavit jawapan yang difailkan oleh responden kedua. Namun demikian, melalui satu bantahan awal oleh pihak pempetisyen-pempetisyen, mahkamah telah tidak menerima afidavit jawapan tersebut atas alasan ianya telah difailkan di luar tempoh 14 hari seperti yang ditetapkan di bawah A. 32 k. 13(2)(b) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Ini bermakna pendengaran saman dalam kamar ini hanyalah berdasarkan afidavit pempetisyen dan hujah-hujah peguam pempetisyen dan peguam responden kedua, sahaja.

Fakta Kes

Pempetisyen pertama ialah seorang pengarah dan pemegang saham 20% di dalam responden pertama. Manakala pempetisyen kedua pula merupakan pemegang saham 10% di dalam responden pertama. Responden kedua pula merupakan seorang pengarah dan pemegang saham 70% di dalam responden pertama. Ini bermakna hanya terdapat tiga pemegang saham di dalam responden pertama dan hanya dua orang pengarah di dalam lembaga pengarahnya. Dari pengamatan saya setelah meneliti afidavit pempetisyen (kandungan 5) beserta dengan eksibit-eksibitnya syarikat responden pertama adalah merupakan syarikat yang aktif. Mengikut perenggan 16, afidavit pempetisyen (kandungan 5), di antara Ogos 1996 dan 1998, syarikat tersebut telah terlibat di dalam beberapa projek sub-kontrak berkaitan dengan projek pembinaan 'Petronas Twin Towers' dan ibupejabat Telekom di Jalan Pantai Bharu, Kuala Lumpur. Di dalam perenggan yang sama juga, pempetisyen menyatakan, penglibatan di dalam projek-projek tersebut bukan sahaja mendatangkan keuntungan kepada syarikat, malahan juga ianya menaikkan lagi reputasi responden pertama di dalam bidang industri pembangunan yang sudah tentu akan menambah nilai saham-saham di dalamnya.

Selain dari itu, perenggan 17, afidavit yang sama juga menyatakan keuntungan sebenar yang diperolehi oleh syarikat responden pertama pada 31 Disember 1999 adalah sebanyak RM3,347,023. Fakta ini disokong oleh 'Directors' Report For The Year Ended 31 December 1999' yang dilampirkan sebagai eks. "OLS 8" kepada afidavit pempetisyen. Mengikut laporan tersebut "OLS 8" – "The principal activity of the company is to carry on the business of fabrication of stainless steel products and building contractors. There has been no significant change in the nature of this

activity during the financial year". Berdasarkan maklumat-maklumat di atas, dan ketiadaan maklumat-maklumat yang sebaliknya, saya berpuashati bahawa syarikat responden pertama masih lagi beroperasi dengan aktif di dalam bidang yang diceburinya.

Daripada kandungan afidavit pempetisyen dan juga hujah-hujah peguamnya, nampaknya sejak beberapa bulan kebelakangan ini telah timbul keadaan ketidaksefahaman di antara pempetisyen pertama dengan responden kedua di dalam pengurusan syarikat responden pertama. Keadaan ini sudah tentu akan menimbulkan masalah memandangkan hanya terdapat dua orang pengarah sahaja bagi syarikat tersebut iaitu pempetisyen pertama dan responden kedua. (Ini adalah jumlah minima pengarah syarikat yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965). Di dalam keadaan sedemikian, biasanya pengurusan sesebuah syarikat akan menjadi buntu disebabkan kedua-dua pengarahnya sudah tidak sekata dan tidak sehaluan.

Pempetisyen-pempetisyen (terutamanya pempetisyen pertama) nampaknya cuba untuk menjaga kepentingan mereka sebagai pemegang saham di dalam syarikat responden pertama. Mereka mendakwa bahawa responden kedua sebenarnya memegang 70% saham syarikat responden pertama hanyalah sebagai 'nominee' kepada sebuah syarikat lain yang didaftarkan di Singapura iaitu Hoover Stainless Pte Ltd (HSPL). Mereka takut HSPL melalui pengarahnya dan juga responden kedua akan melesapkan wang syarikat responden pertama dan akibatnya akan merugikan pempetisyen sebagai pemegang saham. Dakwaan pempetisyen dibuat adalah berdasarkan tindakan HSPL yang pada mulanya menyatakan responden pertama ada berhutang dengannya sebanyak RM182,821 tetapi kemudiannya melalui surat bertarikh 4 Ogos 2000 menyatakan pula jumlah yang dihutang oleh responden pertama ialah RM6,744,882.96. Kesangsian pempetisyen ditambah lagi bila ada tanda-tanda HSPL, yang dikatakan bertindak melalui responden kedua, telah cuba untuk memanggil mesyuarat agong syarikat responden pertama untuk melantik pengarah dan penandatangan cek yang baru yang dikatakan orang-orang yang ada kaitan dengan HSPL. Jika mesyuarat agong itu diteruskan, pempetisyen takut pengaruhnya di dalam syarikat responden pertama akan terlepas dan wang syarikat tersebut akan dilesapkan oleh pengurusannya kelak.

Hujah Peguam Pempetisyen

Peguam pempetisyen menghujahkan terdapatnya isu-isu yang serius yang perlu dibicarakan. Isu-isu tersebut ialah:

i) samada tuntutan yang dibuat oleh HSPL terhadap responden pertama yang pada mulanya berjumlah RM182,821 tetapi kemudian dinaikkan menjadi RM6,744,882.96 adalah benar atau tidak;

ii) samada tindakan untuk melantik En Lee Khee Hwa, yang juga merupakan seorang pengarah syarikat Hoover Metal Sdn. Bhd (anak syarikat milik penuh HSPL) sebagai pengarah tambahan dalam responden pertama, merupakan satu langkah untuk melesapkan aset responden pertama; dan

iii) samada percubaan untuk melesapkan aset responden pertama akan menjejas/mengurangkan keuntungan pempetisyen sebagai pemegang saham responden pertama.

Mengenai "Imbang Kesenangan" (Balance of Convenience) pula, peguam pempetisyen menghujahkan sekiranya perintah injunksi yang dipohon tidak dibenarkan, Encik Lee Khee Hwa akan dapat terus membayar HSPL jumlah tuntutan yang dipertikaikan dan seterusnya melesapkan aset responden pertama. Peguam berpendapat tidak akan timbul masalah sekiranya *status quo* dikekalkan dan pempetisyen pertama patut diberi hak bersuara di dalam pengurusan syarikat responden pertama.

Hujah Peguam Responden Kedua

Memandangkan afidavit jawapan yang difailkan oleh responden kedua bertujuan untuk menjawab afidavit sokongan oleh pempetisyen, telah ditolak oleh mahkamah kerana difailkan diluar masa, peguam responden kedua telah membuat hujahnya membantah permohonan pempetisyen berdasarkan afidavit pempetisyen dan soal undang-undang yang berkaitan.

Mengikut peguam responden kedua, tiada terdapat isu *bona fide* yang serius yang perlu dibicara dalam permohonan ini. Pihak HSPL yang dikatakan oleh pempetisyen sebagai tuan punya benefisial kepada 70% saham dalam responden pertama (yang dipegang oleh responden kedua), yang akan terjejas kepentingannya jika permohonan ini dibenarkan, perlu dijadikan 'pihak' di dalam permohonan ini. Ini telah tidak dibuat oleh pempetisyen.

Peguam responden kedua juga menghujahkan bahawa perintah injunksi seperti yang dipohon patut ditolak kerana:

i) gantirugi kewangan adalah merupakan remedi yang mencukupi sekiranya pempetisyen-pempetisyen berjaya di dalam petisyennya kelak;

ii) imbangan kesenangan (balance of convenience) lebih memihak kepada permohonan injunksi ditolak;

iii) Pempetisyen-pempetisyen gagal menyediakan akujanji mengenai gantirugi yang berkesan dan dapat diterima oleh mahkamah.

Pendapat Mahkamah

Perlu ditegaskan di peringkat ini bahawa walaupun afidavit jawapan yang difailkan oleh responden kedua dalam kes ini telahpun ditolak oleh mahkamah kerana difailkan di luar masa, (atas bantahan awal pempetisyen) ini tidak bermakna mahkamah boleh secara terus membenarkan permohonan injunksi pempetisyen tanpa terlebih dahulu menimbangkan fakta-fakta yang ada di dalam afidavit pempetisyen dan hujah peguam-peguam bagi pihak pempetisyen dan responden kedua. Mahkamah perlu berpuas hati bahawa permohonan pempetisyen dibuat berdasarkan pninsip-prinsip undang-undang yang telah terpakai sekian lama mengenai permohonan injunksi. Afidavit pempetisyen dan hujah-hujah kedua-dua pihak perlu diteliti sedalam-dalamnya sebelum perintah injunksi dapat dikeluarkan.

Prinsip undang-undang mengenai permohonan injunksi yang diterima pakai pada hari ini telah dibentangkan dengan jelas oleh Lord Diplock di dalam kes: *American Cyanamid Co. v. Ethicon Ltd*. [1975] 2 WLR 316; [1975] 1 All ER 504, di mana beliau telah menyatakan:

(1) Provided that the court is satisfied that there is a serious question to be tried, there is no rule that the party seeking an interlocutory injunction must show a *prima facie* case.

(2) The court must consider whether the balance of convenience lies in favour of granting or refusing interlocutory relief.

(3) 'As to that' the court should first consider whether, if the plaintiff succeeds, he would be adequately compensated by damages for the loss sustained between the application and the trial, in which case no interlocutory injunction should normally be granted.

(4) If damages would not provide an adequate remedy the court should then consider whether if the plaintiff fails the defendant would be adequately compensated under the plaintiff's undertaking in damages, in which case there would be no reason upon this ground to refuse an interlocutory injunction.

(5) Then one goes on to consider all other matters relevant to the balance of convenience, an important factor in the balance, should this otherwise be even, being preservation of the *status quo*. By the expression *'status quo'* I understand to be meant the position prevailing when the defendant embarked upon the activity sought to be restrained. Different consideration might apply if the plaintiff delays unduly his application for relief.

(6) Finally, and apparently only when the balance still appears even:

> it may not be improper to take into account in tipping the balance the relative strength of each party's case as revealed by the affidavit evidence.

Prinsip-prinsip di atas telah diterimapakai oleh mahkamah-mahkamah di negara ini. Kes yang penting di negara ini mengenai perkara tersebut ialah *Keet Gerald Francis Noel John v. Mohd. Noor bin Abdullah* [1995] 1 CLJ 293, di mana Gopal Sri Ram HMR telah menggariskan prosedur yang patut diikuti oleh mahkamah-mahkamah. Menurut beliau, apabila mendengar suatu permohonan untuk injunksi interlokutori, seseorang hakim mestilah:

(1) he must ask himself whether the totality of the facts presented before him discloses a *bona fide* serious to be tried. He must, when considering this question, bear in mind that the pleadings and evidence are incomplete at that stage. Above all, he must refrain from making any determination on the merits of the claim or any defence to it. It is sufficient if he identifies with precision the issues raised on the joinder and decides whether these are serious enough to merit a trial. If he finds, upon a consideration of all the relevant material before him, including submissions of counsel, that no serious question is disclosed, that is an end of the matter and the relief is refused. On the other hand if he does find that there are serious questions to be tried, he should move on to the next step of his inquiry;

(2) having found that an issue has been disclosed that requires further investigation, he must consider where the justice of the case lies. In making his assessment, he must take into account all relevant matters, including the practical realities of the case before him. He must weigh the harm that the injunction would produce by its grant against the harm that would result from its refusal. He is entitled to take into account, *inter alia*, the relative financial standing of the litigants before him. If after weighing all matters, he comes to the conclusion that the plaintiff would suffer greater injustice if relief is withheld, then he would be entitled to grant the injunction especially if he is satisfied that the plaintiff is in a financial position to meet his undertaking in damages. Similarly, if he concludes that the defendant would suffer the greater injustice by the grant of an injunction, he would be entitled to refuse relief. Of course, cases may arise where the injustice to the plaintiff is so manifest that the judge would be entitled to dispense with the usual undertaking as a damages (see *Cheng Hang Guan & Ors v. Perumahan Farlim (Penang) Sdn. Bhd & Ors* [1988] 3 MLJ 90). Apart from such cases, the judge is entitled to take into account the plaintiff's ability to meet his undertaking in damages should the suit fail, and, in appropriate cases, may require the plaintiff to secure his undertaking, for example, by providing a bank guarantee; and

(3) the judge must have in the forefront of his mind that the remedy that he is asked to administer is discretionary, intended to produce a just result for the period between the date of the application and the trial proper and intended to maintain the *status quo*, an expression explained by Lord Diplock in *Garden Cottage Foods Ltd v. Milk Marketing Board* [1984]

AC 130; 2 All ER 770; 3 WLR 143 and applied in *Cheng Hang Guan*. It is a judicial discretion capable of correction on appeal. Accordingly, the judge would be entitled to take into account all discretionary consideration, such as delay in the making of the application or any adequate alternative remedy that would satisfy the plaintiff's equity, such as an award of monetary compensation in the event that he succeeds in establishing his claim at the trial. Any question going to the public interest may, and in appropriate cases should, be taken into account. A judge should briefly set out in his judgment the several factors that weighed in his mind when arriving at his conclusion.

Isu Yang Patut Dibicarakan

Isu pertama yang perlu ditentukan disini, ialah berdasarkan fakta dan keterangan yang terdapat di dalam afidavit pempetisyen dan prinsip perundangan di atas, samada terdapat isu *bona fide* yang serius yang patut dibicarakan. Isu yang dimaksudkan mestilah mempunyai ciri-ciri berikut:

i) *bona fide*;

ii) serius; dan

iii) patut dibicarakan.

Seperti yang telah dinyatakan, di atas, peguam pempetisyen telah menimbulkan tiga isu yang difikirkan patut dibicarakan. (Sila rujuk perenggan bertajuk "Hujah Peguam Pempetisyen" di atas). Mahkamah berpendapat ketiga-tiga isu yang dibangkitkan oleh pempetisyen mestilah merupakan isu yang relevan dan patut dibicarakan di dalam tindakan asal pempetisyen iaitu petisyen pemula (kandungan 1) yang difailkan pada 24 Ogos 2000. Setelah meneliti ketiga-tiga isu tersebut mahkamah berpuas hati bahawa isu-isu itu adalah merupakan isu-isu yang relevan dan patut dibicarakan di dalam petisyen pemula (kandungan 1).

Imbangan Kesenangan

Setelah mendapati adanya suatu isu yang patut dibicarakan dalam kes ini, tindakan selanjutnya ialah untuk menimbangkan 'imbangan kesenangan' (balance of convenience) untuk menentukan di mana terletaknya keadilan kes ini. Untuk itu, mahkamah perlu menimbangkan semua perkara yang relevan, termasuk hakikat praktik kes ini, dan menimbangkan kesusahan yang akan diakibatkan jika injunksi diberi, berbanding dengan kesusahan yang akan diakibatkan jika injunksi ditolak.

Peguam pempetisyen menghujahkan sekiranya perintah injunksi yang dipohon tidak dibenarkan, pengarah baru yang akan dilantik, Encik Lee Khee Hwa akan membuat pembayaran tuntutan kepada HSPL (yang mana jumlahnya dipertikaikan oleh pempetisyen). Beliau juga menyatakan tiada apa-apa masalah sekiranya *status quo* dikekalkan di mana pempetisyen pertama bersama-sama dengan responden kedua terus merupakan penandatangan kepada cek-cek syarikat responden pertama. Walau bagaimanapun, apabila disoal oleh mahkamah, peguam pempetisyen mengakui bahawa dalam senario sekarang, sekiranya perintah injunksi seperti yang dipohon diluluskan, syarikat tersebut tidak akan dapat beroperasi mamandangkan kedua-dua pengarahnya iaitu pempetisyen pertama dan responden kedua sudah tidak lagi sehaluan.

Sekiranya perintah injunksi diluluskan kedua-dua pempetisyen akan dapat menjamin kepentingan mereka sehingga petisyen pemula mereka diselesaikan di mahkamah. Kepentingan mereka adalah berupa nilai saham-saham mereka di dalam responden pertama yang semestinya boleh dinilai dalam bentuk 'wang ringgit'. Nilai saham tersebut tidak akan melebihi nilai 30% saham syarikat responden pertama memandangkan itulah peratus pegangan saham mereka.

Sebaliknya kesan sampingan perintah injunksi itu ke atas syarikat responden pertama dan lain-lain pihak yang berurusan dengannya adalah lebih serius dan merosakkan. Kesan yang paling buruk ialah ke atas syarikat responden pertama itu sendiri. Seperti yang diakui oleh peguam pempetisyen, operasi syarikat tersebut akan terbuntu sama sekali, kerana urusan dan pengurusan harian sesebuah syarikat adalah terletak di tangan lembaga pengarahnya. Dalam kes ini, hanya terdapat dua orang pengarah sahaja (iaitu pempetisyen pertama dan responden kedua). Kedua-dua mereka sudah tidak lagi sefahaman. Perintah injunksi yang dipohon bukan sahaja melarang responden pertama untuk melantik Encik Lee Khee Hwa menjadi pengarah malahan melarang responden pertama melantik sebarang pengarah tambahan. Ini bermakna lembaga pengarah yang sedia ada tidak akan dapat membuat sebarang keputusan, terutamanya yang melibatkan soal kewangan, untuk menjamin syarikat terus beroperasi. Dalam keadaan sedemikian, syarikat responden pertama akan lumpuh tidak berapa lama lagi. Jika keadaan ini timbul, pekerja dan kakitangannya akan kehilangan mata pencarian dan kreditor-kreditor serta lain-lain pihak yang sedang dan akan berurusan dengan syarikat tersebut juga akan terjejas. Nilai saham syarikat itu sendiri akan menurun. Ini akan melibatkan kerugian yang lebih besar jika dibandingkan dengan kerugian yang akan dialami oleh pempetisyen-pempetisyen jika injunksi tidak diluluskan, yang tidak boleh nilaikan dengan wang ringgit. Kesan buruk yang akan timbul adalah lebih serius jika perintah injunksi diluluskan.

Ketakutan yang utama yang merisaukan pempetisyen di dalam kes ini ialah wang sebanyak RM6,744,882.96 yang dikatakan dituntut oleh HSPL daripada responden pertama akan dibayar kepada HSPL sekiranya Encik Lee Khee Hwa dilantik sebagai pengarah baru dan penandatangan cek-cek ditukar kepada yang baru. Dalam perkara tersebut, pempetisyen sepatutnya memohon perintah injunksi melarang syarikat responden pertama daripada membuat pembayaran sebanyak RM6,744,882.96 kepada HSPL atas alasan jumlah itu masih dipertikaikan. Sebaliknya pempetisyen memohon perintah melarang responden pertama melantik pengarah baru. Perintah ini adalah terlalu kuat (too strong) untuk menangani isu yang berkaitan. Kesannya bukan sahaja setakat melarang pembayaran RM6,744,882.96 dibuat kepada HSPL, tetapi, dalam keadaan/scenario sekarang ini, akan melumpuhkan syarikat tersebut dan akan mengakibatkan kesan-kesan yang lebih buruk. Oleh itu, imbangan kesenangan dalam kes ini lebih memihak kepada perintah injunksi seperti yang dipohon tidak diluluskan dan ditolak.

Peguam pempetisyen menghujahkan bahawa *status quo* perlu dikekalkan sehingga menunggu petisyen asalnya diselesaikan di mahkamah. '*Status quo'* yang dimaksudkan oleh peguam pempetisyen ialah keadaan sebelum petisyen difailkan di mana hanya terdapat dua orang pengarah syarikat responden pertama (iaitu pempetisyen pertama dan responden kedua) dan kedua-duanya merupakan penandatangan kepada cek-cek syarikat. Dalam kes ini, saya fikir adalah tidak berpatutan jika '*status quo'* sedemikian hendak dikekalkan. Peguam pempetisyen sendiri mengakui bahawa sekiranya perintah injunksi diluluskan operasi syarikat tersebut akan buntu. Dengan lain perkataan, mahkamah tidak akan mengekalkan '*status quo'* tersebut sekiranya kesan tindakan itu akan melumpuhkan operasi syarikat dan mendatangkan kesan yang lebih buruk kepada banyak pihak.

Akujanji Gantirugi

Salah satu faktor penting yang perlu dipertimbangkan sama oleh mahkamah di dalam kes yang melibatkan perintah injunksi ialah samada pempetisyen telah menyediakan akujanji gantirugi yang mencukupi dan berupaya untuk memenuhi akujanji tersebut sekiranya pempetisyen gagal di dalam tuntutan asalnya terhadap responden. Gopal Sri Ram HMR dalam kes *Keet Gerald Francis Noel John v. Mohd. Noon bin Abdullah (supra)* pernah menyatakan:

> Apart from such cases, the judge is entitled to take into account the Plaintiff's ability to meet his undertaking in damages should the suit fail, and, in appropriate cases, may require the Plaintiff to secure his undertaking for example, by providing a bank guarantee.

Hashim Yeop A. Sani H (pada masa itu) di dalam kes: *Mohamed Zainuddin bin Puteh v. Yap Chee Seng* [1978] 1 MLJ 40, telah juga menyatakan:

> Conversely is the question that if the Defendants were to succeed at the trial, whether they would be adequately compensated for the interim restriction on their activities which the grant of interlocutory injunction would have imposed.

Perenggan 42 di dalam afidavit pempetisyen (kandungan 5), pempetisyen menyatakan bahawa pempetisyen tidak perlu memberi sebarang akujanji gantirugi memandangkan dana (funds) milik pempetisyen ada di dalam akaun yang disimpan oleh responden pertama. Malangnya tidak ada sebarang butir-butir lanjut yang diberikan oleh pempetisyen berkenaan 'funds' tersebut. Oleh itu mahkamah tidak dapat mengetahui status dan nilai 'funds' tersebut. Adakah 'funds' tersebut merupakan wang milik responden pertama yang ada di dalam akaun banknya. Jika wang itu yang dimaksudkan, ianya tidak boleh digunakan oleh pempetisyen sebagai sandaran akujanji gantiruginya kerana wang itu adalah hak responden pertama sebagai suatu entiti yang tersendiri. Wang itu bukan milik pempetisyen-pempetisyen walaupun mereka merupakan pemegang saham responden pertama. Pempetisyen-pempetisyen dan responden pertama adalah entiti yang berbeza dan berlainan sama sekali. Ini bermakna akujanji gantirugi yang diberikan oleh pempetisyen adalah tidak mencukupi. Selain dari itu, tiada juga sebarang bukti yang menunjukkan kedua-dua pempetisyen mempunyai keupayaan untuk membayar gantirugi sekiranya mereka gagal di dalam tuntutan mereka kelak. Di sini mahkamah ingin memetik dan menerima pakai hujah Shankar H di dalam kes: *Cheah Theam Swee & Anor v. Overseas Union Bank Ltd & Ors.* [1989] 1 CLJ 157 di mana beliau telah menyatakan:

> On the contrary hypothesis there were very strong indications (which have since been proved by the failure of the Plaintiffs to file any affidavit as to means) that the Plaintiff's undertaking as to damages was very nearly worthless ... A bare undertaking as to damages may be 'unusual' as to form, but useless as to the content unless the Plaintiffs are worth powder and shot.

Seperti yang telah dikatakan di atas, kerosakan yang akan dialami oleh responden-responden di dalam kes ini, sekiranya pempetisyen-pempetisyen gagal di dalam tuntutannya kelak, adalah sangat besar. Malah lebih besar jika dibandingkan dengan kerosakan yang akan dialami oleh pempetisyen-pempetisyen jika perintah injunksi ditolak. Oleh itu, tanpa sebarang akujanji yang mencukupi dan tanpa bukti tentang keupayaan pempetisyen memenuhi akujanji, mahkamah berpendapat bahawa imbangan kesenangan dalam kes ini adalah lebih memihak kepada pihak responden-responden.

Remedi Alternaif

Mengikut kedua-dua kes yang dirujuk di atas, salah satu isu yang perlu dipertimbangkan sama ialah samada terdapat remedi alternatif selain daripada perintah injunksi yang dipohon. Dalam lain perkataan, sekiranya pempetisyen berjaya dalam tuntutan asalnya, samada gantirugi kewangan adalah mencukupi atau tidak. Di dalam kes *Associated Tractors Sdn. Bhd. v. Chan Boon Heng & Anor* [1990] 2 CLJ 157, Hashim Yeop Sani (Hakim Besar Malaya pada masa itu) telah menyatakan:

> But it would seem quite clear that the most important factor to consider as a matter of principle is the question of whether in lieu of the injunction damages would be on adequate and proper remedy because in the matter of injunctions and exercising its jurisdictions the Court act upon the principle of preventing irreparable damage.

Dalam kes: *London & Blackwell Rly Co v. Cross* [1886] 31 Ch D 354 (di ms 369) Lindley LJ telah menyatakan seperti berikut:

> The very first principle of injunctions law is that you do not obtain injunctions for actionable wrongs for which damages are the proper remedy.

Di dalam kes sekarang ini, setelah meneliti secara terperinci isi kandungan tuntutan pempetisyen-pempetisyen di dalam petisyen pemula mereka (kandungan 1), mahkamah berpuashati bahawa tuntutannya adalah lebih berbentuk gantirugi kewangan. Mahkamah juga berpendapat bahawa dalam hal yang demikian, gantirugi kewangan adalah merupakan remedi alternatif yang lebih bersesuaian dalam kes ini. Oleh itu, perintah injunksi seperti yang dipohon di dalam kandungan 4 adalah tidak sesuai dan perlu ditolak.

Keputusan

Berdasarkan kedudukan diatas, terutamanya mengenai imbangan kesenangan (balance of convenience) dan terdapatnya remedi alternatif yang mencukupi, mahkamah berpendapat bahawa permohonan perintah injunksi yang dipohon oleh pempetisyen-pempetisyen di dalam saman dalam kamar (kandungan 4) tidak patut dibenarkan dan dengan ini ditolak dengan kos.